



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

MAJLIS PELANCARAN PROMOSI PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR DAN KARNIVAL KOMPLEKS KEJIRANAN

PUTRAJAYA – Jawatankuasa Rakan Alam Sekitar bagi setiap kawasan Parlimen akan diwujudkan untuk bertindak sebagai 'mata dan telinga' bagi melaporkan masalah atau menyampaikan maklumat mengenai pencemaran atau kerosakan alam sekitar dengan lebih pantas dan berkesan kepada agensi kerajaan yang bertanggungjawab.

Menurut Ahli Parlimen Putrajaya, Dato' Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansur, "Jawatankuasa yang akan diurusetia oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri atau Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri terdiri daripada wakil Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Badan Bukan Kerajaan, Persatuan Penduduk Tempatan dan individu-individu yang dilantik."

"Program Rakan Alam Sekitar adalah salah satu usaha untuk menggalakkan kerjasama antara penduduk atau masyarakat supaya berganding bahu bersama-sama dengan Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam memulihara kualiti alam sekitar ke arah menjadikan Putrajaya antara bandar raya terbersih di dunia," ujar beliau ketika merasmikan program Rakan Alam Sekitar dan Karnival Kompleks Kejiranan di Putrajaya.

Karnival Kompleks Kejiranan merupakan aktiviti tahunan komuniti Putrajaya untuk menjadikan Putrajaya sebagai bandar yang aktif dan

ceria dengan pelbagai aktiviti komuniti. Selain daripada meningkatkan dan memperkukuhkan interaksi sosial, persefahaman, kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk melalui penyertaan aktif dalam setiap program yang dianjurkan, karnival sebegini juga memupuk semangat kebanggaan, kepunyaan serta keahlian penduduk terhadap Putrajaya. Di samping itu, ia juga memperkenalkan dan mempromosikan kompleks kejiranan sebagai pusat aktiviti sukan serta kemasyarakatan dan membantu menarik para remaja ke kompleks kejiranan.

Karnival selama 2 hari ini memuatkan pelbagai aktiviti seperti Senamseni dan Senamrobik Komuniti, Pertandingan Melukis dan Mewarna, Pertandingan Dikir Barat Komuniti, Persembahan kebudayaan Islam/Pertandingan Nasyid, Persembahan *Brassband* Komuniti/Sekolah, Pertandingan Karaoke Terbuka Komuniti, Persembahan Kesenian dan Kebudayaan Etnik, Pertandingan Tarian Komuniti, Sukan Rakyat, pameran perkhidmatan oleh agensi terpilih, jualan am/Pekan Sehari (*flea-market*, *car boot sales* dan jualan buku) dan Demonstrasi Seni.

Turut diadakan pameran kerjaya dan temuduga kerjaya di mana pengunjung berpeluang untuk mendaftar di samping menghadiri temuduga dengan beberapa agensi dan IPT terpilih.



ZAHARAH SALAMAT
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 31 Oktober 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013